

28 NOV 1998

Ramli-ekonomi

EKONOMI MALAYSIA DIJANGKA PULIH TAHUN DEPAN

KOTA BAHARU, 28 Nov (Bernama) --Berdasarkan kajian pakar-pakar ekonomi, kegawatan yang melanda negara sekarang dijangka pulih awal tahun depan.

Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata pakar-pakar ekonomi tersebut menjangkakan Malaysia adalah negara terawal di rantau ini yang akan pulih ekonominya, berikutan beberapa tindakan drastik yang dilaksanakan kerajaan.

"Ini semua adalah kecekapan kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya pada majlis bersama rakyat di Simpang Tiga, Pengkalan Chepa di sini, hari ini.

Ramli berkata, seluruh rakyat harus memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kerajaan.

Sehubungan itu, beliau meminta masyarakat tidak terpengaruh dengan gerakan reformasi anti kerajaan, kerana tindakan itu akan memburukkan lagi masalah ekonomi.

Terdahulu, ketika ditemui di pejabat Umno di sini Ramli menafikan laporan bahawa beliau ada menawarkan diri untuk bertanding mana-mana jawatan dalam Umno termasuk Naib Presiden pada pemilihan parti akan datang.

Katanya setakat ini beliau belum membuat keputusan untuk bertanding kerana masih terlalu awal.

"Hanya wartawan yang mendesak saya untuk menjawab kemungkinan saya bertanding untuk merebut jawatan parti, terutamanya Naib Presiden sedangkan saya belum memikirkannya," katanya, yang pernah bertanding merebut jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan lepas.

Sehubungan itu, beliau menasihati anggota Umno supaya jangan terlalu menumpukan usaha berhubung pemilihan parti tahun depan.

Katanya anggota Umno sepatutnya menumpukan usaha bagi membantu Dr Mahathir menangani masalah kegawatan ekonomi yang dihadapi negara.

-- BERNAMA

RAR RI